

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[BESUT]**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan strategi Kementerian dalam meningkatkan kawalan ke atas aktiviti pencerobohan pemasangan pukat tunda khususnya di kawasan persisiran pantai Terengganu

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, strategi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kawalan ke atas aktiviti pencerobohan pemasangan pukot tunda khususnya di kawasan pesisiran pantai Terengganu. Antara strategi yang dilaksanakan adalah :

- i. Meneruskan aktiviti rondaan dan penguatkuasaan dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi mengawal aktiviti pencerobohan zon penangkapan ikan terutamanya oleh vesel pukot tunda di kawasan pesisiran pantai;
- ii. Memasang tukun tiruan sebagai penghalang pukot tunda di negeri Terengganu sebagai langkah kawalan yang digunakan untuk menghalang vesel pukot tunda daripada menghampiri kawasan pesisiran pantai; dan
- iii. Menggalak penglibatan nelayan setempat sebagai sumber penyaluran maklumat dan aduan kepada Jabatan.

Sekian, terima kasih.